

GIGI KEMBALI PUTIH



Hidayatul Akmal Ahmad
hidayatulakmal@
hmmetro.com.my

Gigi tersusun rapi serta putih menjadi idaman setiap individu. Namun kerana pengaruh usia, penyakit genetik (Amelogenesis/ dentinogenesis imperfecta), permukaan dentin terdedah akibat gigi haus dan faktor pemakanan menyebabkan gigi tidak lagi putih seperti yang diidamkan.

Secara umumnya punca perubahan warna gigi dibahagikan kepada dua iaitu faktor luaran dan dalaman. Faktor luaran berlaku apabila lapisan luar gigi (enamel) berwarna manakala faktor dalaman pula berlaku apabila struktur dalaman gigi (dentin) menjadi gelap atau kuning.

Antara punca luaran adalah kesan warna oleh nikotin rokok, arak dan diet seperti kopi serta teh herba. Punca faktor dalaman pula adalah kesan pendedahan terhadap fluorida yang berlebihan pada peringkat awal kanak-kanak, pengambilan antibiotik tetracycline ketika ibu hamil atau kanak-kanak berumur kurang lapan tahun.

Pelbagai cara dilakukan untuk menjadikan warna gigi kembali putih. Antaranya penggunaan ubat gigi mengandungi agen pemutih, penggilapan, rawatan veneer dan korona oleh pegawai pergigian dan yang paling popular adalah 'bleaching' yang dilakukan pegawai pergigian.

Perunding Periodontist dan Pensyarah Pergigian Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Masfuah Razali berkata ketika ini wujud lambakan produk pemutih gigi di pasaran.

"Bleaching' atau pemutihan gigi adalah rawatan yang diakui kejayaannya. Kira-kira 90 peratus kejayaan dilaporkan untuk pemutihan intrakorona gigi 'non-vital'." Proses pemutihan gigi membabitkan penggunaan bahan aktif dikenali sebagai hydrogen peroxide. Ia adalah agen pengoksida yang kuat, menghasilkan radikal bebas dan mampu bertindak untuk melarutkan warna/kromogen pada permukaan gigi.

"Sebanyak 10 peratus Carbamideperoxide juga digunakan untuk proses pemutihan gigi. Hasil akhir daripada proses ini bergantung kepada kepekatan bahan aktif yang digunakan, kemampuan bahan aktif itu menembusi gigi, masa dan berapa kali proses itu diulang.

"Lazimnya mereka yang mendapatkan rawatan pemutihan gigi ialah perokok, faktor pemakanan seperti kopi dan teh, gigi yang bertukar warna selepas rawatan akar serta gigi bertukar warna selepas mengambil antibiotik tetracycline," katanya ketika ditemui di kliniknya baru-baru ini.

Rawatan yang dicadangkan untuk pemutihan gigi berbeza mengikut punca perubahan

warna selain keterukan perubahan warna gigi. Namun, rawatan pemutihan seperti bleaching adalah kurang berkesan jika disebabkan antibiotik tetracycline.

Menurut Masfuah, mereka yang mahu melakukan rawatan pemutihan gigi perlu mendapatkan nasihat serta perkhidmatan daripada doktor gigi untuk mengelak kesan sampingan.

"Antara kesan sampingan yang biasa berlaku ialah lapisan enamel gigi akan menjadi lebih porous, sangat sensitif, ngilu manakala kira-kira 20 peratus pesakit tidak mahu meneruskan rawatan kerana tidak tahan dengan kesan sampingan yang adakalanya dapat dirasakan beberapa minit selepas rawatan bermula.

"Gusi pula akan terasa pedih apabila ada kebocoran pada hydrogen peroxide di permukaan tisu lembut akibat ceper yang digunakan tidak sesuai dengan mulut pesakit," katanya.

Beliau turut memberi nasihat kepada orang ramai yang mahu membuat rawatan pemutihan gigi supaya mengkaji akibat serta kesan sampingan terlebih dahulu bahkan perlu bersedia untuk menghadapi kesan sampingan.

"Proses pemutihan gigi adalah proses berterusan dan perlu dijalankan beberapa kali. Ia tidak boleh dilakukan 'sekerat jalan' bagi terus memastikan keadaan gigi terus putih," katanya.

INFO: PUNCA GIGI KUNING

- Amalan pemakanan
- Plak
- Pengambilan ubat-ubatan (antibiotik tetracycline)
- Cecair pencuci mulut - agen yang dikenali sebagai chlorhexidine, boleh menyebabkan gigi menjadi kecoklatan jika mengguhakannya secara berterusan terlalu lama
- Trauma - sehingga menyebabkan gigi menjadi mati (non-vital)
- Flourida - penggunaan atau pengambilan flourida yang berlebihan ketika diperingkat awal kanak-kanak
- Penuaan
- Rawatan akar
- Merokok

Guna
ubat gigi
mengandungi
agen pemutih,
penggilapan,
rawatan
veneer dan
korona dan
paling popular
'bleaching'



DR Masfuah

Gigi juga boleh berubah menjadi kehitaman apabila sudah mati (non-vital) dan menjalani rawatan kanal akar. Aktiviti seperti merokok didapati boleh mengakibatkan gigi semakin lama berubah warna kuning dan kecoklatan akibat nikotin terhadap plak, selaput tidak berwarna yang terbentuk dan berkumpul pada

permukaan gigi akibat sisa yang kaku dalam jangka panjang.

Lazimnya ia akan berubah menjadi warna kekuningan dan nampak kusam. Keadaan ini menyebabkan sesetengah individu berasa malu dan hilang keyakinan diri seterusnya memikirkan alternatif bagi memutihkan semula gigi.